Memperluas Pengawasan Ekonomi Melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia

Pengawasan ekonomi oleh Bank Negara Malaysia (Bank) sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah diperkukuh melalui perluasan pengawasannya pada peringkat wilayah melalui Pejabat Wilayah Bank (Regional Offices, RO). Pengawasan ekonomi wilayah melibatkan pengumpulan dan sintesis maklumat kuantitatif dan kualitatif mengenai keadaan ekonomi dan kewangan semasa pada peringkat wilayah. Pendekatan ini memerlukan interaksi secara langsung dengan pelbagai ejen ekonomi di wilayah yang berbeza di negara ini. Pengawasan peringkat wilayah ini menjadi pelengkap kepada penilaian ekonomi peringkat makro dengan memberikan perspektif mengenai sejauh mana keadaan wilayah tersebut, berbeza ataupun mencerminkan prospek negara. Pengawasan ini juga memberikan maklumat mengenai perbezaan dalam keadaan ekonomi dan kewangan merentas wilayah dan industri.

Memperkukuh analisis ekonomi menerusi pengawasan ekonomi wilayah

Penumpuan aktiviti ekonomi mengikut geografi di Malaysia semakin meluas dan lebih tersebar sejak beberapa tahun ini. Trend ini semakin nyata berikutan pertumbuhan ekonomi yang pantas dalam koridor ekonomi wilayah. Oleh itu, pengawasan pada peringkat wilayah membolehkan pemantauan yang lebih dekat dan mendalam ke atas nadi aktiviti ekonomi dan kemunculan trend yang baharu (rujuk ruangan mengenai Aktiviti Eksport Semula Memberikan Sokongan yang Meningkat kepada Perdagangan Malaysia dalam Bab 4). Interaksi secara langsung dan kerap dengan sektor perniagaan, pertubuhan industri, persatuan pengguna serta agensi peneraju merupakan sumber maklumat yang luas untuk analisis keadaan ekonomi dan kewangan yang tepat pada waktunya. Pemahaman mendalam yang sering didapati lebih awal daripada pengumuman statistik peringkat makro, memberikan ruang masa yang lebih untuk membuat analisis dan tindak balas dasar. Interaksi secara langsung dengan pihak berkepentingan yang berkenaan juga memberi peluang kepada Bank untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu berkaitan dasar.

Pengalaman penggubal dasar di negara lain

Bank pusat di seluruh dunia telah meluaskan rangka kerja pengawasan mereka dengan melibatkan pemantauan ekonomi wilayah, melalui rangkaian pejabat wilayah (Rajah 1). Sebanyak 12 pejabat wilayah Bank of England (dikenali sebagai Agensi) ditugaskan untuk menilai dan menyediakan analisis awal mengenai keadaan ekonomi kepada Jawatankuasa Dasar Monetari. Begitu juga dengan Reserve Bank of Australia yang melalui empat pejabat negerinya, memantau dan menganalisis perkembangan ekonomi wilayah secara meluas di seluruh Australia. Di rantau ASEAN, bank pusat seperti Bank of Thailand melaporkan keadaan ekonomi dan kewangan

Rajah 1

Bank Pusat Terpilih dengan Pemantauan Ekonomi Serantau



Sumber: Laman sesawang bank pusat
Nota: Cawangan dan pejabat serantau tidak termasuk pejabat perwakilan di luar negeri

dalam negeri dari perspektif wilayah secara berkala. Kepentingan meluaskan pengawasan juga diperakui oleh agensi pelbagai hala seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), terutamanya apabila pengawasan tersebut merangkumi interaksi yang lebih aktif dengan pihak berkepentingan untuk membantu menggalakkan tindak balas dasar yang berkesan dan tepat pada masanya terhadap cabaran dasar dan risiko yang baru timbul[1].

Memperluas peranan Pejabat Wilayah Bank

Sebelum tahun 2009, interaksi langsung dengan syarikat-syarikat diadakan secara berkala dan diperlengkap oleh tinjauan suku tahunan dan tahunan ke atas perniagaan. Sejak tahun 2009, Bank telah mengambil pendekatan yang lebih sistematik dengan liputan yang lebih meluas ke atas syarikat dari segi aktiviti ekonomi dan saiz. Interaksi ini dirangka untuk meninjau keadaan perniagaan pada masa nyata (real-time) dan membuat unjuran bagi pemboleh ubah yang penting seperti hasil, pengeluaran, jualan, harga, pelaburan dan keadaan pasaran pekerja. Pada tahun 2011, Bank melaksanakan inisiatif penting untuk mengembangkan peranan cawangan Bank di Pulau Pinang dan Johor, dengan menjadikan cawangan-cawangan ini sebagai Pejabat Wilayah (RO) dengan matlamat untuk memperluas jangkauan dan operasi Bank pada peringkat wilayah[2]. Kedua-dua RO ini memantau perkembangan di wilayah utara dan selatan Semenanjung Malaysia, yang secara bersama menyumbangkan kira-kira 28% kepada KDNK Malaysia pada tahun 2012[3]. Jangkauan yang luas ini dapat dilihat melalui bertambahnya jumlah interaksi di wilayah utara, tengah dan selatan sejak tiga tahun yang lalu (Rajah 2).

Rajah 2

Jumlah Perbincangan dan Interaksi dari Tahun 2011 hingga 2013



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hasil daripada pengawasan ekonomi pada peringkat wilayah boleh dinilai melalui peranan penting RO dalam memperlengkap pengawasan ekonomi secara keseluruhan oleh Bank. Sebagai contoh, apabila Thailand dilanda banjir besar pada bulan Julai 2011, pengawasan oleh RO mendapati berlakunya perpindahan aktiviti pengeluaran secara sementara dari Thailand ke Malaysia, yang seterusnya menghasilkan pengeluaran produk elektrik dan elektronik (E&E) serta makanan dan minuman yang lebih tinggi di Malaysia. Maklumat ini menyediakan penilaian awal tentang pertumbuhan sektor perkilangan pada separuh kedua tahun 2011, jauh lebih awal daripada pengumuman statistik rasmi. Pada tahun 2013, interaksi daripada RO telah memperdalam pemahaman Bank mengenai kesan pelaksanaan gaji minimum ke atas inflasi dan pertumbuhan. Selain itu, peranan RO juga telah menambah baik penilaian ke atas keadaan pembiayaan merentas pelbagai industri di wilayah tersebut. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, interaksi yang dijalankan telah menghasilkan rumusan yang lebih baik mengenai amalan perniagaan dalam memberikan tindak balas kepada pelaksanaan dasar seperti rasionalisasi subsidi dan langkah kehematan makro yang menyasarkan sektor harta tanah.

[1] Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2012), `The IMF's Financial Surveillance Strategy´.
[2] Selain peranan cawangan sebelum ini yang memastikan kecekapan pengurusan tunai, peranan RO diperluas bagi merangkumi khidmat penyelesaian dan nasihat kewangan pengguna, menjalankan pengawasan ekonomi dan kewangan serta memacu agenda rangkuman kewangan yang lebih luas.
[3] Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia.

Cabaran utama dalam memperluas pengawasan ini adalah untuk memupuk kepercayaan dan mengekalkan hubungan yang boleh dipercayai dengan sektor swasta dan agensi yang berkaitan. Bank mengamalkan dasar kerahsiaan yang ketat untuk memelihara sensitiviti maklumat yang diberikan oleh pihak berkepentingan. Usaha menilai maklumat yang didapati daripada firma perniagaan juga merupakan satu cabaran. Ini memerlukan keseimbangan dalam sintesis maklumat yang hanya mencerminkan pengalaman firma semata-mata dengan maklumat lain, yang memberikan gambaran lebih tepat mengenai keadaan industri secara keseluruhan.

Melangkah ke hadapan

Peranan RO yang lebih besar mencerminkan pentingnya usaha memperluas dan meningkatkan proses pengawasan pada peringkat wilayah sebagai melengkapi pengawasan makroekonomi oleh Bank. Melangkah ke hadapan, rancangan untuk menjadikan cawangan Bank di Kuching dan Kota Kinabalu sebagai RO pada tahun 2014, dijangka terus memperkukuh pengawasan makroekonomi dan kewangan secara keseluruhan oleh Bank.